# TATACARA KELULUSAN KHAS PELUPUSAN ASET BUKAN KEWANGAN MELIBATKAN TAHUN KEWANGAN BERLAINAN

*versi kemaskini Mac 2022*

## TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

1. PTJ perlu mendapatkan kelulusan khas pelupusan aset sekiranya melibatkan transaksi tahun kewangan berlainan disebabkan kesilapan perakaunan (*accounting errors*).

2. PTJ hendaklah melengkapkan borang permohonan kelulusan khas pelupusan aset bukan kewangan melibatkan tahun kewangan berlainan seperti di **LAMPIRAN 3** dan lampirkan simulasi Baucar Jurnal Aset seperti di perenggan 3 untuk dikemukakan kepada Bahagian Akaun, Kementerian bagi mendapatkan kelulusan Ketua Akauntan.

3. Penjanaan simulasi baucar jurnal aset adalah seperti contoh di bawah:

   a. Portal iGFMAS >> Modul Perakaunan Aset >> Sub-Modul Pelupusan Aset >> Pelupusan Aset (Lain-Lain) >> Daftar Pelupusan Aset (Lain-Lain).



b. Semak Data >> Simulasi




c. Cetak/Simpan Simulasi Baucar Jurnal Aset dan lampirkan bersama borang permohonan kelulusan khas.



4. Setelah mendapat kelulusan Ketua Akauntan, PTJ laksana pelupusan **penuh/sebahagian** dengan menggunakan sub-modul di modul perakaunan aset. PTJ juga hendaklah menyediakan borang **JANM – AA – 6.3.2** – Borang Tindakan Kerja Pelupusan Aset. Rujuk Manual Prosedur Kerja iGFMAS – Lampiran Kepada Modul Asset Accounting (AA).

   i. Pelupusan secara *single* - Perakaunan Aset ≫ Pelupusan Aset ≫ Pelupusan Aset Lain – lain
      **ATAU**
      Pelupusan secara pukal - Perakaunan Aset ≫ Pukal ≫ Daftar ≫ Transaksi ≫ Pelupusan Aset (Lain – lain)
   ii. Perihal pelupusan : Kelulusan Khas Pelupusan Aset Bukan Kewangan
   iii. Tarikh Pelupusan : 1.1.202X
      *[Rujuk Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset v2.00 & Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset (Pukal) v1.00]*

   Isi **BPD AA** - Borang Pergerakan Dokumen. Rujuk Manual Prosedur Kerja iGFMAS – Lampiran Kepada Modul *Asset Accounting* (AA).

5. Jika transaksi pelupusan aset melibatkan Belanja Pelupusan (B055XXXX), PTJ hendaklah mengemukakan salinan baucar jurnal pelupusan dan Borang Kelulusan Khas Pelupusan yang telah ditandatangan oleh Ketua Akauntan kepada Pejabat Perakaunan yang berkenaan untuk tindakan pelarasan kepada kod *Retained Earnings* (RE).

**TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN AKAUN, KEMENTERIAN**

1. Bahagian Akaun Kementerian hendaklah memastikan ketepatan maklumat di dalam borang permohonan kelulusan khas pelupusan aset bukan kewangan melibatkan tahun kewangan berlainan yang dikemukakan oleh PTJ.

2. Ketua Akauntan Kementerian hendaklah memberikan kelulusan khas pelupusan aset berkenaan sekiranya maklumat tepat dan lengkap.

3. Bahagian Akaun hendaklah memaklumkan dan mengemukakan borang permohonan kelulusan khas pelupusan yang telah ditandatangan Ketua Akauntan atau wakil kepada PTJ untuk tindakan pelupusan aset di iGFMAS.

**TANGGUNGJAWAB PEJABAT PERAKAUNAN**

1. Pejabat Perakaunan hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Penggunaan Kod Lebihan Atau Kurangan (RE) seperti di **LAMPIRAN 4** dan mengemukakan melalui emel kepada Unit Operasi Akaun Persekutuan, BPOPA di alamat uoap@anm.gov.my bagi tujuan pelarasan kepada kod akaun *Retained Earnings* (RE).

2. Setelah menerima kelulusan penggunaan kod akaun RE daripada BPOPA, Pejabat Perakaunan melaksanakan tindakan pelarasan mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti dalam borang kelulusan penggunaan kod akaun RE.

3. Pejabat Perakaunan melaksana pelarasan di SAPGUI iGFMAS dengan T-code FB50, jenis urusniaga SK. Rujuk Manual Pengguna iGFMAS Modul Lejar Am, Pengurusan Dana, Kawalan (GLFMCO) – Proses Baucar Jurnal – Perenggan 2.1.2 (a) Enter G/L Account Document – Khas (SK)

   Catatan Perakaunan adalah seperti berikut:
   DR RE E0311901 kod dana G000 **ATAU**
   RE E0211101 kod dana P00
   CR B0551205

4. Masukkan perihal Doc.Header Text: **Pelarasan Pelupusan Khas Aset**




5. Setelah selesai tindakan pelarasan, Pejabat Perakaunan hendaklah memaklumkan kepada PTJ dan Bahagian Akaun Kementerian yang berkenaan.